



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB. DATUK SERI UTAMA TENGGU ADNAN BIN TENGGU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**DI DEWAN SERBAGUNA, MENARA SERI WILAYAH
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
16 OKTOBER 2017**

BISMILLAHİ RAHMANİR RAHİM

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

(Senarai saluti akan diselaraskan kemudian)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, Segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izinNya kita dapat bersama-sama pada pagi ini bagi menjayakan Majlis Lafaz Ikrar dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bagi Kementerian Wilayah Persekutuan.

2. Saya dimaklumkan bahawa semua agensi di bawah Kementerian ini yang mempunyai ramai pegawai dan kakitangan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan telah pun melaksanakan majlis ini di peringkat masing-masing.
3. Sebelum meneruskan sesi lafaz ikrar dan tandatangan Ikrar Bebas Rasuah ini, ingin saya memaklumkan program-program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini dan berkongsi rasa kesyukuran saya atas pencapaian yang diperoleh oleh Kementerian baru-baru ini.
4. Kementerian Wilayah Persekutuan merupakan Kementerian yang berurusan secara langsung dengan pelanggan dari segenap lapisan masyarakat yang berada dan menetap di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Mereka adalah pelanggan yang menerima manfaat secara langsung daripada pelbagai program yang dilaksanakan oleh Kementerian ini. Program-program yang dekat di hati rakyat yang kita laksanakan antaranya:

(i) **Program Pembinaan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP)**

KWP merupakan Kementerian perintis dalam pelaksanaan pembinaan rumah mampu milik dan dilaksanakan atas inisiatif murni Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan kemudahan perumahan kepada warga di Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) bagi program RUMAWIP yang telah ditetapkan dalam tempoh 5 tahun adalah sebanyak 80,000 unit. Sehingga Ogos 2017, Kementerian telah mencapai sasaran KPI sebanyak 67,892 unit rumah (yang telah mendapat kelulusan perintah pembangunan, dalam peringkat pembinaan dan telah siap dibina), iaitu sebanyak 85%.

Penyediaan RUMAWIP memerlukan komitmen dan integriti yang tinggi daripada semua pegawai dan pihak yang terlibat. Contohnya ialah seawal pemilihan pemaju bagi pembinaan rumah dan sehinggalah kepada proses akhir iaitu proses pemilihan pemohon untuk memiliki rumah ini. Sekiranya tiada sikap amanah dan integriti yang tinggi, pastinya golongan sasaran yang sebenar tidak akan mendapat manfaatnya.

(ii) Projek River of Life (ROL)

Projek ini bermatlamat untuk menjadikan sungai di kawasan Lembah Kelang sebagai Sungai Nadi Kehidupan dengan mentransformasikan sungai-sungai di lingkungan *Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley* melalui pembersihan dan pengindahan sungai-sungai tersebut agar setaraf dengan sungai-sungai di bandar antarabangsa seperti di Melbourne, Singapore dan Seoul. Semua agensi yang menguruskan pengindahan dan pembersihan sungai ini perlu mematuhi standard yang telah

ditetapkan bagi memastikan air sungai yang dilepaskan telah mematuhi piawaian.

Sehubungan itu, semua pihak yang terlibat daripada pengurusan pembersihan hendaklah bertanggungjawab dalam menentukan kualiti air sungai tersebut mencapai piawaian yang telah ditentukan. Jika projek ini tidak dilaksanakan dengan kesungguhan dan berintegriti, maka pastinya sungai-sungai ini tidaklah sebersih dan secantik sebagaimana yang diharapkan.

(iii) Program Kad Ceria

Inisiatif Kad Ceria 2017 merupakan penjenamaan semula ke atas Kad Ceria Wilayah Persekutuan yang telah dilancarkan pada tahun 2015. Sehingga September 2017, kad ini telah diagihkan sebanyak 861,019 unit kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan. Penggunaan kad ini telah diperluaskan dengan memakai konsep pemberian diskaun terus kepada pengguna semasa membuat pembayaran barangan atau perkhidmatan. Sehingga kini, sebanyak 5,004 syarikat berdaftar yang telah menjadi rakan dagang Kad Ceria. Jumlah keseluruhan premis yang menerima Kad Ceria di Wilayah Persekutuan adalah 5,304 buah premis dengan memberikan diskaun kepada pemegang Kad Ceria sehingga 70% diskaun. Antara rakan dagang ialah 7-Eleven (M) Sdn Bhd, Berjaya Hotels & Resorts, Berjaya Universiti College & Hospitality, Kenny Rogers, KK Supermarts & Superstore Sdn. Bhd, KLCC

Food Truck, Mydin Muhammed Holding Bhd dan banyak lagi rakan dagang yang terlibat.

Pemberian kad ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membantu rakyat menangani kos sara hidup yang semakin meningkat terutamanya di Wilayah Persekutuan. Namun begitu, jika pemberian kad ini tidak diuruskan dengan berintegriti, maka warga Wilayah akan terlepas peluang untuk mendapat pelbagai manfaatnya yang telah susah-payah kita usahakan. Sebagai contoh, kad ini diberikan tanpa meletakkan syarat kelayakan dan tidak dibuat verifikasi kepada pemegangnya, maka kad ini boleh dimiliki oleh sesiapa sahaja. Jika disalah urus, pastinya manfaat kad ini tidak sepenuhnya dinikmati oleh warga Wilayah Persekutuan.

PENCAPAIAN KEMENTERIAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Baru-baru ini, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menerima Anugerah Penarafan 5 Bintang bagi Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia bagi tahun 2017 semasa Persidangan Psikologi Modal Insan 2017 yang dihadiri oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Pencapaian yang membanggakan buat KWP kerana mampu melonjak naik dari taraf 2 bintang kepada 5 bintang.

6. Selain itu, KWP juga mendapat Penarafan Keberkesanan Cemerlang oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian/Jabatan Persekutuan dalam tahun 2016.
7. KWP juga merupakan salah satu daripada tujuh Kementerian yang menerima pengiktirafan *National Policy on the Development And Implementation of Regulation* (NPDIR)/Dasar Negara Bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC). Pengiktirafan ini diberikan kepada KWP bagi memberikan komitmen yang tinggi dalam pelaksanaan NPDIR untuk meningkatkan tahap keberkesanan regulatori di Malaysia.
8. Kementerian ini juga telah mendapat anugerah Pencapaian Cemerlang iaitu 5 Bintang bagi Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2016 untuk KWP dan DBKL.
9. Seterusnya, rentetan pencapaian cemerlang ini turut dirangkul dalam Penarafan 5 Bintang Indeks Akauntabiliti (AI) Pengurusan Kewangan Tahun 2016 apabila KWP mengekalkan tempat pertama dengan pencapaian 99.65% dan di kalangan 5 Kementerian yang mendapat markah 95% ke atas. Bagi tahun tersebut, KWP mendapat markah 100% bagi 5 dari 8 skop penilaian audit.
10. Kementerian ini juga telah mendapat Anugerah Pusat Tanggungjawab (PT) Terbaik Pengurusan Kewangan & Akaun bagi

tahun 2015 dengan mengekalkan pembayaran 100% dalam tempoh 7 hari dan tiada (0%) perbelanjaan di bawah Arahan AP58(a) oleh Jabatan Akauntan Negara.

11. Selain itu, Kementerian ini juga pernah memperolehi Anugerah Pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Tahun 2015 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya.

PROGRAM INTEGRITI

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sebagaimana kita tahu, untuk mencapai sesuatu kejayaan, ia memerlukan usaha yang gigih, tekad dan azam yang tinggi sejak dari awal tahun lagi. Kejayaan ini juga melambangkan bahawa semua pihak turut mengambil bahagian dalam menyumbangkan kepada kejayaan ini. Selain itu, kejayaan ini juga sedikit sebanyak melambangkan bahawa para pegawai mempunyai integriti yang tinggi dalam melaksanakan tugas mereka.
13. Dalam hal-hal tadbir urus, Kementerian ini sentiasa komited dalam melaksanakan mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) secara berkala bagi membincangkan hal-hal integriti dan tadbir urus bersama di peringkat Kementerian dan Agensi dalam usaha menambahbaik sistem dan prosedur serta memastikan

masalah-masalah integriti dan tadbir urus yang melibatkan pelanggan dan orang awam dapat diselesaikan dengan kaedah yang terbaik.

14. Kementerian juga turut melaksanakan sistem pusingan kerja (*job rotation*) secara dalaman kepada semua pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat lebih 5 tahun di sesuatu Bahagian atau Unit bagi tujuan menutup ruang dan peluang kepada salah guna kuasa dan jenayah rasuah.
15. Kementerian telah melaksanakan langkah proaktif pada tahun 2017 dengan memastikan semua pegawai dan kakitangan Kementerian dan Agensi mengemaskinikan perisytiharan harta masing-masing bagi tujuan pemantauan daripada sebarang pemilikan harta yang boleh diragui. Bagi Kementerian ini, sebanyak 320 pegawai dan kakitangan telah mengistiharkan harta dan semakan mendapati bahawa 100% warga tidak mempunyai harta yang diragui.
16. Program-program penghayatan nilai-nilai murni seperti program ceramah penghayatan keagamaan, program kesedaran rasuah, program bina semangat, program motivasi dan program nilai-nilai murni sentiasa dilaksanakan di Kementerian ini. Walaupun bilangan pegawai dan kakitangan yang agak sedikit, namun apa yang boleh dibanggakan ialah mulai dari tahun 2014 sehingga kini, Kementerian ini masih **mengekalkan sifar kes tatatertib.**

17. Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini dan saya berharap agar disiplin dan kejayaan-kejayaan yang telah diraih dikekalkan dan sentiasa ditambahbaik daripada pelbagai sudut.
18. Selain itu, saya sarankan agar KWP mengambil manfaat daripada program Ikrar Bebas Rasuah bersama SPRM ini sebagai salah satu simbol bahawa Kementerian ini berikrar untuk menjauhi sebarang bentuk perlakuan jenayah rasuah.
19. **Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.**